



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***TAHAP PROFESIENSI BAHASA MELAYU DAN HUBUNGANNYA
DENGAN STATUS SOSIOEKONOMI, MOTIVASI BELAJAR DAN
PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN MURID BUKAN
PENUTUR NATIF***

NORA'AZIAN BT NAHAR

FPP 2018 28



**TAHAP PROFESIENSI BAHASA MELAYU DAN HUBUNGANNYA
DENGAN STATUS SOSIOEKONOMI, MOTIVASI BELAJAR DAN
PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN MURID BUKAN
PENUTUR NATIF**

Oleh

NORA'AZIAN BT NAHAR

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**TAHAP PROFESIENSI BAHASA MELAYU DAN HUBUNGANNYA
DENGAN STATUS SOSIOEKONOMI, MOTIVASI BELAJAR DAN
PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN MURID BUKAN
PENUTUR NATIF**

Oleh

NORA'AZIAN BT NAHAR

April 2018

Pengerusi : Fadzilah Abd Rahman, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Profesiensi keempat-empat kemahiran dalam bahasa Melayu terhadap murid bukan penutur natif kurang dilaksanakan secara tuntas mendorong kajian ini dijalankan. Dapatan kajian lepas menunjukkan murid bukan penutur natif di Malaysia kurang cekap mendengar, kurang fasih bertutur, kurang lancar membaca dan kurang mahir menulis dalam bahasa kebangsaan. Berikutan fenomena tersebut, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap profesiensi bahasa Melayu dan hubungannya dengan status sosioekonomi (SSE), motivasi belajar dan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan penutur natif. Seramai 414 orang sampel kajian daripada 5 buah sekolah SJKC dan SJKT di Daerah Kuantan telah dipilih. Analisis kajian menggunakan borang soal selidik dan Ujian Profesiensi Bahasa Melayu Sekolah Rendah (UPBM_SR). Data diproses menggunakan IBMSPSS Versi 23 dengan reka bentuk tinjauan hirisan rentas. Hasil dapatan menunjukkan majoriti (29%) murid mendapat Tahap 4 bagi Tahap Keseluruhan Profesiensi Bahasa Melayu (TKPBM) di SJK Daerah Kuantan. Hubungan TKPBM dengan SSE keluarga bagi pendidikan bapa dan ibu, pekerjaan bapa dan pendapatan isi rumah adalah sederhana manakala hubungan antara TKPBM dengan skor min motivasi belajar murid di SJK adalah rendah. Berdasarkan Interpretasi Cohen (1988), hubungan antara TKPBM dengan ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji iaitu (BM-Pemahaman, BM-Penulisan dan Peratus Keseluruhan Subjek) menunjukkan perkaitan yang besar bagi murid di SJK Daerah Kuantan. Kajian selanjutnya bagi mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada pencapaian sebegini perlu diberikan perhatian. Selain itu, program bagi meningkatkan TKPBM dalam kalangan murid bukan penutur natif juga perlu dipergiatkan.

Kata kunci : *profesiensi bahasa Melayu, murid bukan penutur natif, SJKC, SJKT, kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis*

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

PROFICIENCY LEVEL OF MALAY LANGUAGE AND ITS RELATIONSHIP WITH SOSIOECONOMIC STATUS, LEARNING MOTIVATION AND ACADEMIC ACHIEVEMENT AMONG NON-NATIVE STUDENTS

By

NORA'AZIAN BT NAHAR

April 2018

Chairman : Fadzilah Abd Rahman, PhD
Faculty : Educational Studies

The proficiency of the four skills in Malay language among non-native speakers is less implemented thoroughly and thus motivates this study to be conducted. The findings of the previous study showed that non-Malay students in Malaysia were less proficient in listening, less eloquent in speaking, less fluent in reading and less skillful in writing the national language. Following the phenomenon, this study was conducted to identify the level of proficiency of Malay language and its relationship with socioeconomic status (SSE), learning motivation and academic achievement among non-native speakers. A total of 414 samples from 5 SJKC and SJKT schools in Kuantan District were selected. The study was analyzed using the questionnaire and the Malay Language Proficiency Test (UPBM_SR). Data is processed using IBMSPSS Version 23 with cross-sectional survey design. The findings show the overall level of English Language Proficiency (TKPBM), the majority (29%) achieved Level 4. The relationship between TKPBM and family SSE for parents education, father's employment and household income is modestly significant the relationship between TKPBM and the mean score of student learning motivation in SJK is small. Based on the Interpretation of Cohen (1988) the relationship between TKPBM and all 3 variables studied, (BM-Comprehension, BM-Writing and Overall Percentage of Subjects) showed large relationship for students in SJK in Kuantan. Further research to identify factors contributing to such achievement should be addressed. In addition, the program to increase the level of BM proficiency among non-native speakers should also be implemented.

Keywords : *proficiency of Malay language, non native speakers, SJK (C), SJK (T), listening, speaking, reading and writing skills.*

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia-Nya, saya dikurniakan kekuatan, semangat dan kesabaran untuk menyiapkan tesis ini.

Rakaman penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis iaitu Dr Fadzilah Abd Rahman, selaku pengerusi jawatankuasa, Dr. Norazlina Hj. Mohd Kiram dan Dr. Rozita Radhiah Bt Said, selaku ahli jawatankuasa. Segala pandangan, nasihat dan komen yang diberi sepanjang tempoh penyeliaan tesis ini amat dihargai dan disanjung tinggi. Hanya Allah yang dapat membalas jasa yang telah dicurahkan.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Shamsuddin Othman, Dr Azhar Md Sabil, Dr Norlizah Che Hassan, dan Dr Zuraini Jusoh atas kesudian menyemak dan mengesahkan instrumen kajian serta memberi pandangan yang bernas dalam menyiapkan borang soal selidik. Begitu juga jutaan terima kasih diucapkan kepada ahli jawatankuasa penilai UPBM_SR yang terdiri daripada guru-guru cemerlang KPM dan JU DSKP Kuantan, iaitu Pn Sarimah Mohd Nor, Pn Cham Gaik Hoek, Cik Hartini Abdul Hamid, Pn. Thevagi Sabathavan dan Pn. Sakinah Ahmad serta guru-guru di SJKC dan SJKT Daerah Kuantan, Pahang atas kesudian membantu, menterjemah, dan mengesahkan instrumen kajian. Akhirnya, rakaman terima kasih ditujukan kepada warga sekolah SJKC Pei Chai, SJKC Chung Ching, SJKC Kong Min, SJKT Bandar Indera Mahkota, SJKT Ladang Jeram dan SJKT Ladang Kuala Reman kerana bersama-sama menjayakan kajian ini.

Rakan-rakan seperjuangan yang saling memberi sokongan dan berkongsi suka duka sepanjang perjalanan menyiapkan tesis PhD ini, amat dihargai. Sesungguhnya perjalanan ini telah menuntut kesabaran yang tinggi serta erti persahabatan yang sebenar. Segala pertolongan, pengorbanan, dan doa dari kalian akan diabadikan dalam lipatan sejarah hidup ini. Semoga kita dilimpahi keberkatan Rahmat-Nya.

Akhir sekali, sekalung penghargaan ditujukan khas buat ahli keluarga yang senantiasa menyokong dan memberikan ruang sepanjang penyelidikan dijalankan. Teristimewa buat suami, Mohd Yaakub Abdul Rashid, dan anak-anak, Nor E'zzati dan Nur E'risya yang senantiasa memberikan dorongan, sokongan, bantuan, semangat dan iringan doa. Pengorbanan masa, tenaga dan material kalian akan diabadikan sepanjang hayat. Al-Fatihah buat kedua-dua arwah ibu dan ayah yang telah kembali ke rahmatullah pada tahun 2017 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 20 April 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nora'azian bt Nahar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Tahap Profesiensi Bahasa Melayu dan Hubungannya dengan Status Sosioekonomi, Motivasi Belajar dan Pencapaian Akademik dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Asmawati binti Suhid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Rasid bin Jamian, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zulkifli Osman, PhD

Profesor Madya
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 Julai 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan ijazah Doktor Falsafah Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Fadzilah Abd Rahman, PhD

Penyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norazlina Hj. Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rozita Radhiah Bt Said, PhD

Penyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Nora'azian Bt Nahar, GS40577

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Fadzilah Abd Rahman

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Norazlina Hj. Mohd Kiram

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Rozita Radhiah Bt Said

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar belakang	2
1.2 Pernyataan masalah	8
1.3 Objektif kajian	11
1.4 Soalan kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Batasan kajian	14
1.7 Definisi Konseptual dan Operasional	15
1.7.1 Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua	15
1.7.2 Profesiensi Bahasa Melayu	16
1.7.3 Tahap Profesiensi Bahasa Melayu	17
1.7.4 Status Sosioekonomi (SSE)	18
1.7.5 Motivasi belajar	19
1.7.6 Pencapaian akademik	20
1.7.7 Murid Bukan Penutur Natif	21
1.8 Rumusan	22
2 SOROTAN KAJIAN	23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Kepentingan Melaksanakan Ujian Profesiensi Bahasa Melayu	23
2.3 Aspek Kemahiran Bahasa Melayu	24
2.4 Tahap Kemahiran Bahasa Melayu	25
2.4.1 Tahap Kemahiran Mendengar	25
2.4.2 Tahap Kemahiran Bertutur	26
2.4.3 Tahap Kemahiran Membaca	27
2.4.4 Tahap Kemahiran Menulis	29

2.4.5	Tahap Keseluruhan Profisiensi Bahasa Melayu (TKPBM)	30
2.5	Perbezaan Tahap Profisiensi mengikut Gender, Lokasi Sekolah dan Jenis Sekolah	31
2.6	Kajian Berkaitan Profisiensi Bahasa Kedua dan Hubungannya dengan Status Sosioekonomi (SSE), Motivasi Belajar dan Pencapaian Akademik	32
2.6.1	Status sosioekonomi keluarga	33
2.6.2	Motivasi belajar	35
2.6.3	Pencapaian Akademik	37
2.6.4	Rumusan	40
2.7	Kerangka kajian	40
2.7.1	Kerangka Teoritikal Kajian	41
2.7.2	Kerangka Konseptual Kajian	43
2.8	Rumusan	45
3	METODOLOGI	46
3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka bentuk kajian	46
3.3	Lokasi kajian	47
3.4	Populasi dan Persampelan kajian	49
3.4.1	Kaedah Pengiraan Pemilihan Sampel	51
3.4.2	Kaedah Pemilihan Sampel	54
3.5	Instrumen Kajian	54
3.5.1	Ujian Profisiensi Bahasa Melayu Sekolah Rendah (UPBM_SR)	54
3.5.1.1	Ujian Mendengar	58
3.5.1.2	Ujian Bertutur	59
3.5.1.3	Ujian Membaca	60
3.5.1.4	Ujian Menulis	61
3.5.2	Soal selidik	64
3.6	Kesahan Instrumen Kajian	66
3.6.1	Kesahan soal selidik motivasi belajar	71
3.7	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	71
3.7.1	Mohon kebenaran	72
3.7.2	Kajian Rintis	72
3.7.3	Pelaksanaan Ujian UPBM_SR	74
3.8	Penganalisan Data Kajian	77
3.8.1	Statistik Deskriptif	77
3.8.2	Statistik Inferensi	78
3.9	Tafsiran Skala Tahap	78
3.9.1	Tafsiran Tahap Skor UPBM_SR	78
3.10	Rumusan	80

4	DAPATAN KAJIAN	81
4.1	Pengenalan	81
4.2	Analisis Deskriptif	81
	4.2.1 Demografi Responden	82
	4.2.2 Sosioekonomi (SSE) Keluarga Responden	83
	4.2.3 Rumusan demografi	85
4.3	Objektif kajian 1 : Menentukan Tahap kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan tahap keseluruhan profesiensi Bahasa Melayu (TKPBM) dalam kalangan murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	86
	4.3.1 Apakah tahap kemahiran mendengar Bahasa Melayu murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	86
	4.3.2 Apakah tahap kemahiran bertutur Bahasa Melayu murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	87
	4.3.3 Apakah tahap kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	88
	4.3.4 Apakah tahap kemahiran menulis Bahasa Melayu murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	88
	4.3.5 Apakah tahap keseluruhan profesiensi Bahasa Melayu (TKPBM) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	89
4.4	Objektif kajian 2 : Menentukan perbezaan Skor Keseluruhan UPBM_SR antara murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang mengikut jantina, lokasi sekolah, dan jenis sekolah	90
	4.4.1 Adakah terdapat perbezaan Skor Keseluruhan UPBM_SR antara murid bukan penutur natif lelaki dengan murid perempuan di SJK Daerah Kuantan, Pahang	90
	4.4.2 Adakah terdapat perbezaan skor keseluruhan UPBM_SR antara murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan yang bersekolah di bandar dengan yang bersekolah di luar bandar	91
	4.4.3 Adakah terdapat perbezaan skor keseluruhan UPBM_SR antara murid bukan penutur natif di SJKC dengan SJKT di Daerah Kuantan, Pahang	92
4.5	Objektif kajian 3 : Menentukan hubungan antara TKPBM dengan SSE keluarga (pendidikan bapa dan ibu, pekerjaan bapa dan ibu, dan pendapatan isi rumah) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	93
	4.5.1 Adakah terdapat hubungan antara TKPBM dengan SSE keluarga (pendidikan bapa dan ibu)	

	murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	93
4.5.2	Adakah terdapat hubungan antara TKPBM dengan SSE keluarga (pekerjaan bapa dan ibu) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	94
4.5.3	Adakah terdapat hubungan antara TKPBM dengan SSE keluarga (pendapatan isi rumah) dengan murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	95
4.6	Objektif kajian 4 : Menentukan hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan skor min motivasi belajar (integratif dan instrumental) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	95
4.6.1	Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan skor min motivasi belajar (integratif) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	96
4.6.2	Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan skor min motivasi belajar (instrumental) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	96
4.7	Objektif kajian 5 : Menentukan hubungan antara Skor Keseluruhan UPBM_SR dengan pencapaian akademik (markah BM-Penulisan, BM-Pemahaman, dan markah keseluruhan subjek) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	97
4.7.1	Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan markah BM-Penulisan murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	98
4.7.2	Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan markah BM-Pemahaman murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	98
4.7.3	Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan markah keseluruhan subjek murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	99
4.8	Objektif 6 : Menentukan faktor (motivasi belajar integratif, motivasi belajar instrumental, pencapaian akademik BM-Pemahaman, dan pencapaian akademik BM-Penulisan) yang mempengaruhi skor keseluruhan UPBM_SR dalam kalangan murid bukan penutur natif di Daerah Kuantan, Pahang	99
4.8.1	Adakah faktor motivasi belajar integratif, motivasi belajar instrumental, pencapaian akademik BM-Pemahaman, dan pencapaian akademik BM-	

	Penulisan) mempengaruhi skor keseluruhan UPBM_SR dalam kalangan murid bukan penutur natif di Daerah Kuantan, Pahang	100
4.8.2	Apakah pengaruh faktor-faktor yang signifikan terhadap skor keseluruhan UPBM_SR dalam kalangan murid bukan penutur natif di Daerah Kuantan, Pahang	101
4.9	Rumusan dapatan kajian	101
4.10	Kesimpulan	105
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	106
5.1	Pengenalan	106
5.2	Rumusan Kajian	106
5.3	Perbincangan	109
5.3.1	Tahap Profesiensi Kemahiran Mendengar	109
5.3.2	Tahap Profesiensi Kemahiran Bertutur	111
5.3.3	Tahap Profesiensi Kemahiran Membaca	114
5.3.4	Tahap Profesiensi Kemahiran Menulis	115
5.3.5	Tahap Keseluruhan Profesiensi Bahasa Melayu	118
5.4	Perbezaan Gender, Lokasi dan Jenis Sekolah	120
5.5	Hubungan Tahap Profesiensi Bahasa Melayu dengan SSE Keluarga	121
5.6	Tahap Profesiensi Pemangkin Motivasi Belajar	123
5.7	Tahap Profesiensi Penentu Pencapaian Akademik	124
5.8	Pengaruh BM- Pemahaman terhadap Tahap Profesiensi Bahasa Melayu	126
5.9	Kesimpulan	127
5.10	Implikasi Kajian Terhadap Aspek Teori	128
5.11	Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal	131
5.12	Cadangan Kajian Lanjutan	132
	RUJUKAN	134
	LAMPIRAN	155
	BIODATA PELAJAR	221
	SENARAI PENERBITAN	221

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Keputusan Peperiksaan UPSR di SJK Daerah Kuantan bagi Tahun 2012, 2013, dan 2014	10
3.1 Bilangan Murid Mengikut Sekolah Berpandukan Data Emis Pada 1 Disember 2014	49
3.2 Bilangan Murid Tahap 2 di SJKC Daerah Kuantan, Pahang	50
3.3 Bilangan Murid Tahap 2 di SJKT Daerah Kuantan, Pahang	51
3.4 Kesahan Ujian Mendengar UPBM_SR	67
3.5 Kesahan Ujian Bertutur UPBM_SR	68
3.6 Kesahan Ujian Membaca UPBM_SR	69
3.7 Kesahan Ujian Menulis UPBM_SR	70
3.8 Kesahan Soal Selidik Motivasi Belajar	71
3.9 Tentatif Pelaksanaan UPBM_SR dan Pengumpulan Data	75
3.10 Maklumat Perjalanan Kajian Sebenar	76
3.11 Peringkat Tahap UPBM_SR	79
3.12 Tahap Skor UPBM_SR	79
4.1 Taburan responden mengikut jantina, lokasi sekolah, dan jenis sekolah ($N=414$)	82
4.2 Taburan sosioekonomi responden berdasarkan tahap pendidikan bapa dan ibu, pekerjaan bapa dan ibu, dan pendapatan isi rumah responden ($N=414$)	85
4.3 Taburan Tahap Kemahiran Mendengar Responden ($N=414$)	87
4.4 Taburan Tahap Kemahiran Bertutur Responden ($N=414$)	87
4.5 Taburan Tahap Kemahiran Membaca Responden ($N=414$)	88
4.6 Taburan Tahap Kemahiran Menulis Responden ($N=414$)	89

4.7	Taburan Tahap Keseluruhan Profesiensi Bahasa Melayu (TKPBM) Responden (N=414)	89
4.8	Menunjukkan perbezaan skor keseluruhan UPBM_SR mengikut jantina Responden (N=414)	91
4.9	Perbandingan skor keseluruhan UPBM_SR mengikut lokasi sekolah responden (N=414)	92
4.10	Perbezaan skor keseluruhan UPBM_SR mengikut Jenis sekolah responden (N=414)	93
4.11	Korelasi antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan skor min motivasi belajar (integratif dan instrumental) (N=414)	96
4.12	Korelasi antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan markah BM-Penulisan, BM-Pemahaman, dan markah keseluruhan subjek murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang	97
4.13	Nilai Beta, pekali korelasi semisepara, dan pekali korelasi semisepara kuasa dua	100
4.14	Rumusan dapatan kajian	102

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Aspek Kemahiran Kecekapan Bahasa Melayu	24
2.2 Kerangka Teoritikal Kajian	42
2.3 Kerangka Konseptual Kajian	44
3.1 Fasa Reka Bentuk	47
3.2 Pemilihan Sampel Rawak Berstrata	52
3.3 Pembangunan, adaptasi dan penyesuaian instrumen UPBM_SR dan Tahap Skor UPBM_SR dibangunkan melalui adaptasi dan penyesuaian	54

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
1 Surat Pengesahan Pelajar	155
2 Surat Kebenaran UPM	156
3 Surat kebenaran KPM	157
4 Surat kebenaran JPN	158
5 Surat kebenaran SJKC Pei Chai	159
6 Surat kebenaran SJKC Chung Ching	161
7 Surat kebenaran SJKC Kong Min	163
8 Surat kebenaran SJKT Bandar Indera Mahkota	165
9 Surat kebenaran SJKT Ladang Kuala Reman	167
10 Surat kebenaran SJKT Ladang Jeram	169
11 Surat kebenaran menggunakan soal selidik Siti Saniah Abu Bakar (2012)	171
12 Surat kebenaran menggunakan soal selidik Zuraini Jusoh (2014)	173
13 Instrumen Kajian Soal Selidik	175
14 Penilai Soal Selidik - Dr Shamsuddin Othman	180
15 Penilai Soal Selidik - Dr Azhar Md Sibil	182
16 Penilai Soal Selidik - Dr Norlizah Che Hassan	184
17 Penilai Soal Selidik - Dr Zuraini Jusoh	186
18 Penilai UKBM_SR - Pn Sarimah Mohd Nor	188
19 Penilai UKBM_SR - Pn Cham Gaik Heok	191
20 Penilai UKBM_SR - Cik Hartini Abdul Hamid	193
21 Penilai UKBM_SR - Pn Thevagi Sabathavan	196

22	Penilai UKBM_SR - Pn Sakinah Ahmad	199
23	Tahap Skor UPBM_SR	202
24	Jadual Pelaksanaan Ujian di SJKC Kong Ming	212
25	Jadual Pelaksanaan Ujian di SJKT Bandar Indera Mahkota	213
26	Jadual Pelaksanaan Ujian di SJKT Ldg Kuala Reman	214
27	Jadual Pelaksanaan Ujian di SJKT Ladang Jeram	215
28	Jadual Pelaksanaan Ujian di SJKC Chung Ching	216
29	Gambar-gambar pelaksanaan Ujian UPBM_SR	217

SENARAI SINGKATAN

B1	bahasa pertama
B2	bahasa kedua
BA	bahasa Arab
BC	bahasa Cina
BI	bahasa Inggeris
BM	bahasa Melayu
BT	bahasa Tamil
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
ERIC	<i>Education Research Information Center</i>
IELTS	<i>International English Language Testing System</i>
JLPT	<i>Japanese Language Proficiency Test</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNP	Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
KPE	<i>Korean Proficiency Test</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LAD	<i>Language Acquisition Device</i>
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

SGM	Standard Guru Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SSE	Status Sosioekonomi
SJKC	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
TADIKA	Taman Didikan Kanak-kanak
TEF	<i>Test d'évaluation du Francais</i>
TOEFL	<i>Test of English As Foreign Language</i>
TOEIC	<i>Test Of English for International Comunication</i>
TPBM	Tahap Profesiensi Bahasa Melayu
UKBI	Ujian Kecekapan Bahasa Indonesia
UPBM_SR	Ujian Profisiensi Bahasa Melayu Sekolah Rendah
UPM	Universiti Putra Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

Komunikasi merupakan keperluan kepada setiap individu. Proses menerima komunikasi dan menghasilkan bahasa perlu dilalui setiap hari tidak kira sama ada menggunakan bahasa pertama atau bahasa kedua. Profesiensi kemahiran bertutur mampu memantapkan penguasaan kemahiran mendengar, kerana kemahiran bertutur berlaku secara spontan. Pendengar akan mendengar dengan teliti untuk memahami maksud yang disampaikan dan seterusnya memberikan respons untuk mewujudkan komunikasi. Sekaligus memantapkan kemahiran membaca dan menulis apabila murid menguasai kosa kata semasa berkomunikasi kerana semua kemahiran berlaku serentak. Dalam konteks bahasa kedua, pemerolehan hanya akan dicapai apabila bahasa kedua itu digunakan dalam komunikasi. Kefasihan menggunakan bahasa kedua perlu dipraktikkan sejak awal kanak-kanak untuk membentuk kebiasaan kerana bahasa Melayu merupakan bahasa ilmu, bahasa perpaduan dan bahasa rasmi negara Malaysia.

Kemahiran mendengar menduduki tempat teratas berbanding dengan kemahiran bertutur, membaca dan menulis dalam usaha menguasai kecekapan berbahasa. Aktiviti mendengar dikatakan berlaku dua kali ganda lebih banyak daripada membaca dan lima kali ganda lebih banyak daripada menulis (Morley, 2001). Kemahiran ini dianggap kemahiran yang boleh diperolehi secara semula jadi oleh seseorang melalui bahasa yang dituturkannya. Dalam konteks bahasa kedua, pemerolehan hanya dicapai apabila bahasa tersebut digunakan semasa berkomunikasi secara separa sedar dan pembelajaran sedar tidak boleh digunakan sebagai sumber hasilan bahasa yang spontan (Krashen, 1994). Kemahiran bertutur mempunyai pertalian rapat dengan kemahiran mendengar kerana mesej yang disampaikan melibatkan dua pihak iaitu pihak yang menghantar dan pihak yang menerima mesej. Kedua-dua kemahiran ini tergolong dalam kemahiran lisan bahasa Melayu.

Proses penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bukanlah hadir secara semula jadi tetapi perlu dipelajari khususnya aspek kemahiran membaca dan menulis (Khairul, 2017). Kemahiran membaca merupakan satu proses yang dinamik dan kompleks kerana meliputi aspek keupayaan untuk mentafsir sesuatu yang dibaca dengan pantas, membuat interpretasi serta menganalisis bahan yang dibaca. Kelancaran membaca bergantung kepada kecepatan bacaan dan kefahaman untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan maklumat baharu (Anderson, 2001). Kemahiran mengarang dikatakan sebagai kemahiran tertinggi, kerana alat untuk berfikir dan kerja karang-mengarang merupakan kerja profesional yang perlu dikuasai dengan usaha yang bersungguh-sungguh lebih-lebih lagi kepada penutur bahasa kedua (Awang Sariyan, 2011).

Jelasnya, keempat-empat kemahiran dalam bahasa Melayu merupakan asas penting yang mesti dikuasai (Fadzilah dan Norazlina, 2015) kerana kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis berlaku serentak dan terbina secara bersepadu (Mahzan Arshad, 2016).

1.1 Latar belakang

Profesi berbahasa perlu dijadikan wadah utama untuk membangunkan bangsa sesebuah negara kerana bahasa merupakan sebahagian daripada kehidupan, budaya dan cara hidup manusia. Keperluan mempelajari bahasa, sama ada sebagai bahasa pertama, kedua atau bahasa kebangsaan wujud atas tuntutan sejarah atau politik (Juriah Long, 2012).

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), (2013 – 2025), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi cabaran Abad ke-21. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk memastikan agar semua murid seimbang dari segi pengetahuan, kemahiran dwibahasa, kemahiran berfikir dan identiti nasional sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Terdapat 11 anjakan utama untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara. Kajian ini turut berupaya untuk memberikan sumbangan kepada anjakan kedua yang difokuskan dalam PPPM iaitu memastikan setiap murid profesion dalam bahasa Melayu. Setiap murid harus menguasai bahasa Melayu untuk meningkatkan keupayaan berbahasa Melayu.

Berdasarkan Standard Kurikulum Bahasa Melayu (KPM, 2013), kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh setiap murid. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyeragamkan dasar pendidikan untuk melahirkan individu yang berketerampilan dalam berbahasa Melayu. Melalui dasar ini, murid bukan penutur natif juga perlu memperkembangkan keupayaan dan penguasaan

kemahiran bahasa, serta berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tujuan utama untuk melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

Lazimnya, bahasa kedua dipelajari setelah seseorang mahir dalam bahasa pertamanya. Faktor usia dijangka mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua kerana kriteria yang berkaitan dengan proses penyuburan seseorang seperti perkembangan emosi dan kognitif. Tegasnya, bahasa kedua hanya mampu berkembang melalui latihan dan pengukuhan (Abdullah Hassan, 1989). Rancangan, kaedah tertentu, dorongan dan sikap (motivasi) yang sihat amat diperlukan untuk menghidupkan proses pembelajaran yang berkesan. Bahasa kedua tetap menjadi bahasa yang diperolehi dan dipelajari sesudah bahasa ibunda dan kedua-duanya dipelajari atas dasar beberapa tujuan serta memerlukan kaedah pembelajaran yang berlainan berbanding dengan pemerolehan bahasa ibunda.

Fenomena semasa di Malaysia memperlihatkan bahawa generasi muda, terutama bukan Melayu tidak mendukung kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kerana tidak boleh bertutur dan menguasai bahasa Melayu (Teo Kok Seong, 2014). Mereka beranggapan bahawa BM tidak penting, sekadar bahasa perhubungan yang digunakan secara santai. Mereka tidak perlu cekap dalam bahasa Melayu kerana penggunaannya yang terhad dalam kehidupan. Kemahiran dalam BM perlu dikuasai semata-mata untuk lulus peperiksaan awam di Malaysia (Zamri et al., 2016). Tahap penggunaan bahasa Melayu yang dilihat semakin luntur penggunaan akibat pengaruh bahasa Inggeris juga merupakan salah satu faktor kajian perlu dijalankan bagi meningkatkan kemampuan berbahasa kebangsaan.

Oleh hal yang demikian, tahap penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah rendah perlu dijalankan bagi menyediakan landasan awal untuk meningkatkan kemampuan berbahasa kebangsaan dalam kalangan murid bukan penutur natif. Kepentingan untuk melaksanakan pengujian tahap kecekapan bahasa Melayu turut mendapat sokongan daripada Fadzilah dan Norazlina (2015) untuk melahirkan warganegara yang profesional dalam berbahasa Melayu.

Penentuan Tahap Profesi Bahasa Kedua

Menurut Krashen (1976 – 2007) dalam Teori Input Hipotesisnya, penentuan tahap profesional bahasa kedua bergantung kepada pemboleh ubah kajian SSE sesebuah keluarga, motivasi belajar dan pencapaian akademik.

Status Sosioekonomi Keluarga

Kajian Mohd Johdi et al., (2009) peranan positif konstruktif keluarga penentu penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam peperiksaan PMR muridnya. Dapatan kajiannya mendapati SSE merupakan faktor utama bagi menentukan kejayaan seseorang murid terutama pada peringkat sekolah rendah (29.0%) dan berkurangan pada peringkat menengah (PMR 16.0% dan SPM 9.0%). Bagaimanapun faktor SSE tidak mempengaruhi murid pada peringkat STPM. Kecekapan berbahasa kedua berkait rapat dengan SSE keluarga kerana taraf sosioekonomi dan perhubungan keluarga turut mempengaruhi bahasa kanak-kanak (Adenan Ayob, 2011). Keluarga yang aktif dalam perhubungan memberikan motivasi terhadap anak-anak bertutur kerana motivasi belajar bahasa kedua juga dikatakan mempengaruhi prestasi akademik.

ekurangan perbendaharaan kata, kelemahan tatabahasa, keadaan persekitaran yang tidak menggalakkan merupakan faktor yang menyulitkan murid bukan penutur natif menguasai kemahiran lisan. Chew, (2016) telah mengenal pasti masalah yang menghalang murid di SJKC menguasai kemahiran bertutur menggunakan BM adalah disebabkan murid kurang mempraktikkan amalan tersebut akibat alat artikulasi mereka sudah biasa menggunakan bahasa ibunda. Hal ini ditambah dengan keadaan SSE keluarga yang rendah, lebih mementingkan survival untuk hidup (Mohd Johdi et al., 2009) mengakibatkan murid kurang mendengar dan bertutur dalam bahasa Melayu. Akhirnya, murid kurang berkemahiran membina ayat yang gramatis dan menyebabkan mereka kurang berminat membaca buku bahasa Melayu.

Tahap penguasaan bahasa Melayu yang berbeza-beza dalam kalangan murid bukan penutur natif juga ditentukan oleh tahap pendidikan keluarga. Abdul Rasid et al., (2008) menyatakan sikap dan motivasi dipengaruhi faktor bangsa, bahasa, pendidikan ibu bapa dan status bahasa yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Asmah, (2003) pula menjelaskan, ibu bapa yang mendapat pendidikan dari Barat berasa lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris. Pemerolehan bahasa terutama bahasa kedua akan mempengaruhi anak-anak. Murid dari keluarga berstatus sosioekonomi tinggi terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris manakala murid dari keluarga yang SSE rendah menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa komunikasi hari-hari. Kelemahan menguasai kemahiran membaca dan menulis amat ketara dilihat daripada faktor SSE akibat kurang pendedahan terhadap bahasa Melayu yang diberikan oleh ibu bapa.

Kesempurnaan berbahasa tidak hanya dinilai dari segi penguasaan sistem bahasa, tetapi juga melibatkan pengetahuan tentang aspek luaran bahasa, iaitu budaya yang berperanan penting dalam pembinaan dan pemupukan sesuatu bahasa (Arba'ie et al., 2011). Penguasaan tahap kemahiran lisan dan

menulis yang melibatkan aspek teknikal dan mekanikal memerlukan pendedahan tambahan untuk menguasainya. Jeyagobi, (2011) turut menekankan penguasaan tahap kecekapan dalam bahasa Melayu bagi murid di SJK bergantung kepada SSE keluarga. Dapatannya menunjukkan murid dari SJKT kurang berkeyakinan menggunakan BM dan tidak mempunyai kawan dari bangsa Cina atau Melayu akibat tahap penguasaan BM yang tidak memenuhi keperluan untuk berkomunikasi dan sering gagal menguasai kemahiran penulisan karangan. Fenomena ini juga terbukti daripada kajian Elizabert at al., (2009) terhadap anak-anak dari keluarga Afrika Amerika.

Jelasnya, daripada penelitian yang telah dijalankan terhadap SSE keluarga, jelas menunjukkan faktor latar belakang keluarga, bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian, SSE keluarga seperti pendidikan, pekerjaan dan pendapatan seisi rumah mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penguasaan kemahiran lisan (mendengar dan bertutur) dan kemahiran menulis (membaca dan menulis) dalam kalangan murid bukan penutur natif. Namun kajian secara empirikal perlu dilakukan untuk melihat hubungan sebenar dalam fenomena kehidupan murid bukan penutur natif di SJKC dan di SJKT untuk pengenalpastian dan pengesahan.

Motivasi Belajar Bahasa Kedua

Hakikatnya, murid bukan penutur natif kurang bermotivasi belajar bahasa Melayu kerana terpaksa memilih sama ada mahu atau tidak mahu untuk berusaha menguasai bahasa selain bahasa pertamanya. Penguasaan bahasa kedua bukanlah suatu kemestian, tetapi kerap kali ditentukan oleh pelbagai sebab atau akibat. Menurut Krashen (1977) dalam Hipotesis Penyaringan Afektif (*Affective Filter Hypothesis*), murid yang mempunyai motivasi belajar yang tinggi berpeluang untuk menguasai B2. Jika mereka mempunyai tahap kerisauan yang rendah, mereka berpeluang menguasai B2 kerana tinggi motivasi belajar B2 saringan afektif akan terbuka luas untuk menerima B2. Murid bukan penutur natif yang memperbesar saringan afektif berpeluang menguasai keempat-empat kemahiran dalam bahasa Melayu pada tahap yang paling profesional. Tahap penguasaan bahasa kedua amat berkait rapat dengan motivasi belajar.

Bagi murid bukan penutur jati, mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua merupakan satu proses mempelajari budaya berbahasa yang baharu (Chew dan Lee, 2009). Walaupun dipaksa untuk mempelajari bahasa kedua bukan semua murid berjaya dimotivasikan untuk menguasainya. Dalam konteks kajian ini, penguasaan bahasa kedua adalah disebabkan faktor sejarah dan politik bukan kemahuan murid sendiri. Fenomena ini ditambah dengan kurangnya peluang murid bukan penutur natif berkomunikasi menggunakan bahasa kedua (Nor Hashimah, 2010).

Mereka terpaksa mempelajari lakuan baharu kerana alat artikulasi mereka sudah biasa dan terlatih menyebut bunyi dalam bahasa ibunda. Mereka juga sudah menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa pertama. Keadaan ini menyebabkan mereka mengalami beberapa “gangguan bawaan” daripada bahasa pertama dan berlaku *reverse transfer* (Archibald et al., 2006). Faktor motivasi merupakan penentu dalam penguasaan berbahasa terutama B2. Kajian ingin dilaksanakan bagi memastikan sama ada murid bukan penutur natif bermotivasi belajar integratif atau instrumental dalam mempelajari BM sebagai B2 di SJK dan mengenal pasti perbezaan antara Skor Keseluruhan dengan skor min motivasi belajar (integratif dan instrumental).

Pencapaian Akademik Murid Bukan Penutur Natif

Keempat-empat kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis memberikan pengaruh positif terhadap pencapaian akademik murid. Murid perlu menguasai literasi bahasa Melayu yang standard untuk meningkatkan keupayaan berbahasa Melayu yang baik untuk memperoleh kecemerlangan akademik. Murid juga perlu menggunakan bahasa Melayu yang standard untuk membantu mereka menguasai kemahiran lisan (mendengar dan bertutur) yang menjadi tunjang kepada penguasaan kemahiran bahasa yang lain seperti membaca dan menulis. Seseorang yang menguasai bahasa lisan dengan baik, akan dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan berkesan dalam bahasa sasaran (Abdullah Hassan, 1989) kerana penguasaan kemahiran lisan akan menunjukkan ke arah kemahiran berbahasa secara bersepadu sekali gus dapat meningkatkan pencapaian akademik bahasa Melayu.

Murid perlu mengingati perkara yang didengar, memahami bahan yang dibaca dan mengaplikasikan pengetahuan sistem bahasa dalam kedua-dua ujian yang akan diduduki iaitu Ujian UPBM_SR dan UPSR bagi murid Tahun 6 di sekolah rendah. Murid yang kurang berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu lemah dalam pencapaian akademik mereka. Hal ini berikutan bahasa kedua hanya mampu dikuasai melalui latihan dan pengukuhan (Abdullah Hassan, 1989). Murid boleh mendengar dengan baik tetapi mereka tidak dapat mengekspresikan perkara yang didengar kepada bentuk tulisan dalam bahasa kedua kerana terdapat perbezaan antara kemahiran baharu dengan kemahiran sedia ada yang menggunakan bahasa ibunda (Zulkifley Hamid, 2014). Ujian UPBM_SR perlu dilaksanakan terhadap murid di SJK untuk mengenal pasti tahap kecekapan mendengar, kefasihan bertutur, kelancaran membaca dan tahap kemahiran menulis murid di SJK bagi mengenal pasti hubungannya dengan pencapaian akademik murid bukan penutur natif.

Jelasnya, ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu status sosioekonomi (SSE) keluarga, motivasi belajar dan pencapaian akademik merupakan penentu kepada tahap profisiensi seseorang murid. Kajian ini ingin dijalankan berdasarkan 2 perkara penting iaitu: Pertama adalah untuk mengenal pasti tahap profisiensi BM murid bukan penutur natif di SJK dan perbezaan antara gender, lokasi sekolah dan jenis sekolah. Kedua adalah untuk menentukan hubungan antara tahap keseluruhan profisiensi BM (TKPBM) dengan pemboleh ubah SSE, motivasi belajar dan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan penutur natif.

Secara keseluruhannya, tahap penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia adalah lemah dan kurang memuaskan (Norhashimah et al., 2010, Norshimah et al., 2012, Abdul Rasid, 2011). Kajian perlu dijalankan untuk mengesahkan dapatan pengkaji terdahulu berkaitan tahap profisiensi murid bukan penutur natif kerana BM akan digunakan sepenuhnya dalam PdPc di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Walaupun banyak kajian telah dijalankan di dalam dan di luar negara terhadap bahasa kedua terutama bahasa Inggeris namun dapatan kajian lepas masih belum jelas dan terkini untuk memberikan gambaran tentang murid bukan penutur natif di Malaysia.

Pengujian dan Pengukuran Profisiensi Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua

Dalam konteks pendidikan, aspek pengujian dan penilaian merupakan salah satu medium untuk memahami dan menganalisis kedudukan sesuatu perkara atau sesuatu fenomena (Abedi, 2007). Sehubungan itu, pengkaji telah membangunkan, mengadaptasi dengan penyesuaian instrumen Ujian Profisiensi Bahasa Melayu Sekolah Rendah (UPBM_SR). Antara tujuan dibangunkan instrumen tersebut adalah untuk menguji tahap profisiensi berbahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di SJK.

Instrumen UPBM_SR dibina berdasarkan empat kemahiran dalam bahasa Melayu iaitu Ujian Mendengar, Ujian Bertutur, Ujian Membaca dan Ujian Menulis. Tujuan dibangunkan Ujian Mendengar, bagi menguji kecekapan mendengar murid bukan penutur natif untuk meningkatkan minat, tumpuan, penglibatan aktif dari segi mental dalam penguasaan profisiensi bahasa Melayu. Ujian Bertutur menekankan kefasihan berbahasa Melayu menggunakan pengetahuan tatabahasa mengikut konteks tanpa dipengaruhi oleh dialek atau bahasa ibunda murid. Ujian ketiga ialah Ujian Membaca yang menekankan proses yang konstruktif antara kemahiran membaca dengan memberi makna dari bahan petikan yang dibaca (Adenan Ayob, 2011). Ujian keempat yang perlu diduduki oleh responden ialah Ujian Menulis yang terangkum kemahiran tulisan mekanis, intelek dan kemahiran melahirkan pendapat tentang sesuatu tajuk secara kohesif dan bermakna (Mahzan Arshad, 2016).

Rumusannya, dalam konteks kajian ini, UPBM_SR dibangun, diadaptasi dan disesuaikan bagi menguji tahap profisiensi bahasa Melayu murid bukan penutur natif. Hal ini adalah untuk mempelbagaikan usaha membangunkan instrumen kajian mengikut keperluan pengguna. Ujian Mendengar, Ujian Bertutur, Ujian Membaca dan Ujian Menulis dapat dijadikan sebagai medium untuk memahami dan menganalisis fenomena di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

1.2 Pernyataan masalah

Walaupun kajian berkenaan kecekapan B2 telah banyak dijalankan terutama bahasa Inggeris di luar negara namun dapatan kajian masih belum jelas dan terkini untuk menggambarkan fenomena murid bukan penutur natif di Malaysia. Kajian tentang kefasihan berbahasa telah dijalankan oleh penyelidik tempatan secara berasingan. Antara kajian yang memfokuskan kepada kemahiran lisan telah dijalankan oleh Ghazali dan Shamsuddin, (2014), Chew Fong Peng, (2016), Zamri et al., (2016). Kajian kemahiran menulis oleh Norshimah et al., (2012), Yahya Othman (2014), Zuraini Jusoh (2014) dan kemahiran membaca oleh Abdul Rasid Jamian (2011). Kajian mendengar dalam bahasa Melayu agak kurang dijalankan. Kajian pernah dijalankan oleh Abdul Rashid Ali (1994). Jurang penyelidikan yang wujud ialah kekurangan kajian yang meninjau tahap profisiensi Bahasa Melayu bagi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis kerana keempat-empat kemahiran berlaku serentak.

Kajian Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) menunjukkan murid di SJKC dan di SJKT di Malaysia sangat lemah dalam bahasa Melayu. Kajian lanjutan oleh Norhashimah et al., (2010) mendapati hanya 40.6% murid Cina yang petah menggunakan bahasa Melayu. Kajian Abdul Rasid (2011) bagi kemahiran membaca pula, mendapati murid di sekolah rendah terutama di luar bandar masih kurang lancar membaca dalam bahasa Melayu manakala dapatan kajian Norshimah et al., (2012) majoriti pencapaian akademik bagi kemahiran menulis murid bukan Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) adalah pada tahap sederhana dan lebih daripada 20% adalah lemah. Dalam kajian lepas juga terdapat percanggahan pendapat berkenaan dengan gender, lokasi sekolah dan jenis sekolah. Oleh itu, kajian ingin dijalankan untuk keperluan pengenalpastian dan pengesahan terhadap kajian yang dinyatakan.

Krashen (2013) dalam Teori Input Hipotesisnya, mendapati ketidakcekan dalam bahasa kedua berpunca daripada SSE keluarga yang tidak seimbang, kurang motivasi belajar selain bahasa ibunda, dan pencapaian akademik yang lemah.

Menurut statistik, Kadar Pertumbuhan Ekonomi Tahun 2014, negeri Pahang termasuk dalam kelompok 3 negeri yang mencatatkan kadar pertumbuhan pendapatan isi rumah yang terendah iaitu sebanyak (7.4%) diikuti Negeri Sembilan (7.1%) dan Sarawak (7.0%). Mohd Johdi et al., (2009) mendapati SSE merupakan faktor utama bagi menentukan kejayaan seseorang murid terutama pada peringkat sekolah rendah (29.0%) berbanding dengan sekolah menengah (PMR 16.0% dan SPM 9.0%). Permasalahannya, dapatan Mohd Johdi et al., (2009), Jeyagobi (2011) dan Elizebert et al.,(2009) tidak dapat memastikan hubungan antara SSE dengan tahap kecekapan BM murid bukan penutur natif di SJKC dan di SJKT kerana persekitaran yang berbeza. Berdasarkan permasalahan yang dinyatakan, kajian ingin dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara (pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, dan pendapatan seisi rumah) dengan tahap keseluruhan profisiensi bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu di Daerah Kuantan khususnya.

Apabila seseorang murid kurang mendapat pendedahan terhadap B2, sudah pasti motivasi belajar terhadap bahasa tersebut akan rendah. Disebabkan faktor SSE keluarga, ditambah dengan pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan murid bukan penutur natif di SJK sudah pasti murid kurang berusaha untuk meningkatkan tahap profisiensi bahasa Melayu. Pengkaji terdahulu seperti Rohaidah Kamaruddin (2014), lebih memfokuskan kepada pemerolehan bahasa Inggeris kepada murid di asrama penuh yang telah menguasai kemahiran lisan dan bertulis bahasa Melayu dengan cemerlang, Siti Saniah et al., (2012) juga, menumpukan kajiannya terhadap warga asing, dan Zuraini Jusoh, (2014) menekankan motivasi belajar dan pencapaian kemahiran mengarang kepada murid di sekolah menengah. Kajian untuk menentukan pengaruh motivasi instrumental dan motivasi integratif perlu dijalankan untuk mengetahui motivasi belajar bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJK kerana dapatan kajian lepas tidak dapat menjawab soalan-soalan kajian ini.

Berdasarkan Senarai Sekolah Mengikut Kumpulan Jenis dan Negeri, (Mei 2014), oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuantan merupakan antara 4 Daerah yang mempunyai bilangan SJKC dan SJKT tertinggi di Pahang iaitu sebanyak 14 buah sekolah manakala Daerah Bentong 17 buah, Temerloh 17 buah, dan Cameron Highlands 16 buah. Selain faktor SSE keluarga, Daerah Kuantan Pahang dipilih sebagai lokasi kajian kerana pemilihan murid dari SJKC dan murid SJKT amat kurang dijalankan sebagai pemaklum kajian. Kajian ingin dijalankan di Daerah Kuantan supaya kajian lebih berfokus untuk mengetahui masalah sebenar yang dihadapi oleh murid yang belajar di SJK. Fenomena ini harus diberikan perhatian yang serius memandangkan benih penyemaian suka akan BM harus dipupuk sejak peringkat kanak-kanak lagi. Sekiranya hal ini tidak diberikan perhatian serius, kemungkinan besar murid bukan penutur natif yang gagal menguasai keempat-empat kemahiran dalam BM akan terus meningkat.

Jadual 1.1 : Keputusan Peperiksaan UPSR di SJK Daerah Kuantan bagi Tahun 2012, 2013, dan 2014

Tahun/ Jenis Sekolah	Gred Purata Sekolah (GPS)		
	BM- Pemahaman	BM-Penulisan	Keseluruhan Subjek
2012			
SJKC	2.7	2.6	2.4
SJKT	2.9	2.9	2.3
2013			
SJKC	2.5	2.5	2.4
SJKT	2.6	2.5	2.1
2014			
SJKC	2.3	3.0	2.3
SJKT	3.1	3.0	2.6

(Sumber : Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan, Pahang)

Berdasarkan Jadual 1.1, Gred Purata Sekolah (GPS) bagi keputusan Peperiksaan UPSR murid di SJK Daerah Kuantan dari tahun 2012 hingga 2014 didapati pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu semakin menurun. Pada Tahun 2014 kedua-dua jenis sekolah mencatatkan penurunan GPS bagi subjek BM-Penulisan dan BM-Pemahaman. Analisis ini menunjukkan bahawa tahap kecekapan kemahiran menulis, membaca dan kemahiran lisan murid bukan penutur natif semakin membimbangkan. Usaha untuk meningkatkan profisiensi bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina dan India perlu dilakukan untuk meningkatkan pencapaian akademik terutama subjek Bahasa Melayu di SJK. Selain itu, kajian ingin dijalankan bagi melihat keselarian antara markah BM-Penulisan, BM-Pemahaman dan peratus keseluruhan subjek di SJK dengan (skor keseluruhan UPBM_SR) yang akan dijalankan.

Berdasarkan keputusan UPSR Daerah Kuantan (2012 – 2014) pencapaian BM-Pemahaman dan BM-Penulisan yang diperoleh murid di SJK hampir sama permasalahannya. Hubungan antara motivasi belajar dengan tahap profisiensi BM juga tidak dapat ditentukan selagi kajian secara empirikal tidak dijalankan. Sejauh manakah BM-Pemahaman, BM-Penulisan, motivasi belajar instrumental, dan motivasi integratif dapat meningkatkan tahap profisiensi bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif? Dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian akademik Bahasa Melayu di SJK, penyelidik ingin melihat faktor yang paling mempengaruhi skor keseluruhan UPBM_SR. Setiap perkara yang tidak dikenal pasti perlu dijalankan kajian untuk mengesahkan jawapan berdasarkan sorotan kajian. Antara 4 pemboleh ubah yang dipilih, faktor yang paling signifikan dengan tahap pencapaian akademik perlu ditentukan untuk meningkatkan pencapaian akademik di SJK.

Berdasarkan permasalahan yang disenaraikan, jelas menunjukkan keperluan kajian terhadap profisiensi bahasa Melayu dan hubungannya dengan status sosioekonomi, motivasi belajar dan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan penutur natif. Fenomena ini harus diberikan perhatian yang serius memandangkan penguasaan tahap profisiensi bahasa Melayu terutama kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa kedua perlu disemai bermula di peringkat awal kanak-kanak lagi. Pemahaman input bahasa lisan dan bertulis dilihat sebagai satu-satunya mekanisme yang menyebabkan peningkatan profisiensi linguistik asas. *Output* bahasa dianggap tidak membawa apa-apa kesan dan hanya maju apabila bahasa diperoleh secara separa sedar. Pembelajaran sedar tidak boleh digunakan sebagai sumber hasil bahasa yang spontan (Zulkifley, 2014).

1.3 Objektif kajian

Enam objektif kajian dikemukakan bagi menjelaskan hala tuju kajian ini.

1. Menenal pasti tahap kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan tahap keseluruhan profisiensi Bahasa Melayu (TKPBM) dalam kalangan murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang.
2. Menentukan perbezaan skor keseluruhan UPBM_SR antara murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang mengikut jantina, lokasi sekolah, dan jenis sekolah.
3. Menentukan hubungan antara TKPBM dengan status sosioekonomi SSE (pendidikan bapa dan ibu, pekerjaan bapa dan ibu, dan pendapatan isi rumah) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang.
4. Menentukan hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan skor min motivasi belajar (integratif dan instrumental) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang.
5. Menentukan hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan pencapaian akademik (markah BM-Penulisan, BM-Pemahaman dan markah keseluruhan subjek) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang.
6. Menentukan faktor (motivasi belajar integratif, motivasi belajar instrumental, pencapaian akademik BM-Pemahaman, dan pencapaian akademik BM-Penulisan) yang mempengaruhi skor keseluruhan UPBM_SR dalam kalangan murid bukan penutur natif di daerah Kuantan, Pahang.

Untuk mencapai objektif kajian ini, kaedah pengumpulan data secara kuantitatif digunakan. Statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan untuk mentafsir data. Data diproses dan dianalisis menggunakan IBMSPSS Versi 23.0.

1.4 Soalan kajian

Sebanyak 18 soalan kajian dikemukakan dalam kajian ini. Soalan (1-5) untuk menjawab objektif pertama. Soalan (6-8) untuk menjawab objektif kedua. Soalan (9-11) akan menjawab objektif ketiga. Soalan kajian (12-13) untuk menjawab objektif keempat, manakala soalan kajian (14-16) untuk menjawab objektif kelima dan soalan kajian (17-18) untuk menjawab objektif keenam.

1. Apakah tahap kemahiran mendengar bahasa Melayu, murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
2. Apakah tahap kemahiran bertutur, bahasa Melayu murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
3. Apakah tahap kemahiran membaca, bahasa Melayu murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
4. Apakah tahap kemahiran menulis bahasa Melayu murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
5. Apakah tahap keseluruhan profisiensi bahasa Melayu murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
6. Adakah terdapat perbezaan skor keseluruhan UPBM_SR antara murid bukan penutur natif lelaki dengan perempuan di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
7. Adakah terdapat perbezaan skor keseluruhan UPBM_SR antara murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan yang bersekolah di kawasan bandar dengan kawasan luar bandar?
8. Adakah terdapat perbezaan skor keseluruhan UPBM_SR antara murid bukan penutur natif di SJKC dengan di SJKT Daerah Kuantan, Pahang?
9. Adakah terdapat hubungan antara TKPBM dengan status sosioekonomi (SSE) (pendidikan bapa dan ibu) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
10. Adakah terdapat hubungan antara TKPBM dengan status sosioekonomi (SSE) (pekerjaan bapa dan ibu) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
11. Adakah terdapat hubungan antara TKPBM dengan status sosioekonomi (SSE) (pendapatan isi rumah) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
12. Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan skor min motivasi belajar (integratif) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
13. Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan skor min motivasi belajar (instrumental) murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
14. Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan markah BM-Penulisan murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
15. Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan markah BM-Pemahaman murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?

16. Adakah terdapat hubungan antara skor keseluruhan UPBM_SR dengan markah keseluruhan subjek murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
17. Adakah faktor motivasi belajar integratif, motivasi belajar instrumental, pencapaian akademik BM-Pemahaman dan pencapaian akademik BM-Penulisan mempengaruhi skor keseluruhan UPBM_SR murid bukan penutur natif di SJK Daerah Kuantan, Pahang?
18. Apakah faktor yang signifikan terhadap skor keseluruhan UPBM_SR dalam kalangan murid bukan penutur natif di Daerah Kuantan, Pahang?

1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan berkaitan profisiensi bahasa Melayu penting dijalankan di Malaysia. Kajian perlu memfokuskan murid di sekolah rendah bagi menyediakan satu landasan awal peningkatan integrasi nasional. Usaha untuk mengukur kemahiran berbahasa dalam kalangan murid bukan penutur natif perlu dilakukan untuk meningkatkan kemampuan berbahasa Melayu yang mulai luntur di Malaysia. Usaha memartabatkan bahasa Melayu hanya boleh dicapai jika setiap individu menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan baik (Fadzilah dan Norazlina, 2015).

Kajian seumpama ini diharapkan dapat menyumbangkan maklumat baharu kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk perancangan masa hadapan. Dapatan kajian juga dapat menyumbangkan maklumat kepada PPPM bagi melahirkan generasi yang kompeten dalam bahasa Melayu. Selain itu, dapat membuka ruang kepada sarjana yang terlibat dengan pendidikan bahasa Melayu untuk meneruskan penyelidikan yang berkaitan dengan profisiensi bahasa Melayu. Usaha juga perlu dilakukan secara bersepadu bagi meningkatkan motivasi belajar dan prestasi bahasa (Rubin, 2007, Krashen, 2007, Gardner, 2005). Memandangkan tema kajian ini masih di peringkat awal di Malaysia, kajian ini diharap menjadi perintis untuk meneruskan penyelidikan tentang pelaksanaan ujian profisiensi bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah bagi menghadapi silibus bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah.

Dapatan daripada UPBM_SR dan analisis melalui borang soal selidik sangat penting kepada PdPc guru. Kajian mewujudkan satu ruang kepada pihak guru untuk mengenal pasti tahap profisiensi bahasa kedua murid untuk mengatasi gangguan bahasa ibunda dalam proses pengajaran bahasa Melayu di dalam kelas. Secara tidak langsung hasil dapatan dapat dijadikan bahan rujukan kepada KPM, pihak sekolah, guru dan ibu bapa. Usaha ini dapat membantu pihak yang terlibat merancang tindakan susulan bagi mengatasi masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di Malaysia. Selain itu, kajian dapat memberikan peluang kepada pihak kerajaan mempelbagaikan langkah yang bersesuaian dengan silibus bagi sekolah jenis kebangsaan.

Akhirnya, kajian ini juga diharapkan dapat menambah jumlah kajian bagi membantu menguji profisiensi bahasa Melayu yang masih kurang dijalankan di Malaysia. Kepentingan kajian ini untuk memartabatkan bahasa Melayu agar setanding dengan bahasa lain di dunia seperti penilaian profisiensi bahasa yang banyak diguna pakai dalam bahasa Inggeris (IELTS, TOEFL, dan TOEIC), TEF bagi bahasa Perancis, JLPT bagi bahasa Jepun, KPE bagi bahasa Korea dan UKBI bagi bahasa Indonesia. UPBM_SR juga boleh digunakan sebagai salah satu alat Ujian Penarafan Kerakyatan di Malaysia untuk anak warga asing yang berumur bawah 12 tahun kerana kesesuaian umur membaca, dan tahap penyilaian berdasarkan Semakan Semula Domain Kognitif Taksonomi Bloom oleh Anderson dan Krathwohl (2001). Kajian seperti ini juga diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pembaca untuk membuka ruang kepada kajian lanjutan pada masa akan datang selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025).

1.6 Batasan kajian

Kajian ini hanya meneliti hubungan antara tahap profisiensi bahasa Melayu dengan pemboleh ubah status sosioekonomi (SSE), motivasi belajar dan pencapaian akademik murid bukan penutur natif. Dua instrumen digunakan iaitu borang soal selidik yang diubah suai untuk menjawab objektif kajian. Alat ukuran tersebut diedarkan dengan tujuan untuk mengkaji dan menganalisis persoalan tentang demografi dan motivasi belajar responden kajian. Instrumen kedua ialah Ujian Profisiensi Bahasa Melayu Sekolah Rendah (UPBM_SR) digunakan bagi menentukan tahap profisiensi bahasa Melayu responden. Kajian juga dibataskan kepada empat kemahiran dalam bahasa Melayu iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis seperti di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Malaysia Sekolah Jenis Kebangsaan, (2011).

Responden kajian yang dipilih terbatas kepada murid bukan penutur natif berbangsa Cina dan India yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan di Daerah Kuantan, Pahang. Seramai 414 orang responden dipilih merujuk

kepada populasi dan bilangan jenis sekolah (SJK) yang terdapat di Daerah Kuantan. Seramai 268 orang dari SJKC dan 146 orang dari SJKT. Hanya murid tahap 2 berumur bawah 13 tahun dipilih untuk sampel kajian ini. Rasional memilih subjek kajian dalam kalangan murid bukan penutur natif di SJK kerana Krashen (1981) berpendapat murid yang berumur bawah 13 tahun akan menguasai bahasa kedua secara pemerolehan bersama-sama dengan bahasa pertama. Selepas berumur 14 tahun murid terpaksa mempelajarinya secara formal di sekolah dan mengalami proses yang agak sukar untuk menguasainya.

Kajian juga dibataskan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan di Daerah Kuantan, Pahang yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Bahasa Melayu dipelajari sebagai bahasa kedua. Dari aspek demografi, pemilihan sekolah adalah berdasarkan lokasi dan jenis sekolah. Sekolah kategori bandar hanya dibataskan kepada SJKC Chung Ching bagi mewakili SJK Cina kerana mempunyai subjek kajian yang diperlukan. SJKT Bandar Indera Mahkota dipilih kerana satu-satunya sekolah Tamil kategori bandar yang terdapat di Daerah Kuantan. Bagi kategori luar bandar pula sekolah yang dipilih adalah SJKC Kong Min dan SJKT Ladang Kuala Reman serta SJKT Ladang Jeram. Kedua-dua SJKT kategori luar bandar dipilih kerana kedua-dua SJKT di Daerah Kuantan merupakan Sekolah Kurang Murid (SKM).

Jelasnya, batasan kajian dilakukan dari aspek pemilihan sampel kajian, lokasi kajian, jenis sekolah dan kemahiran dalam bahasa Melayu untuk memastikan sempadan kajian dipatuhi dan memudahkan pelaksanaan kutipan data.

1.7 Definisi Konseptual dan Operasional

Istilah yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan seperti berikut:

1.7.1 Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting dalam kehidupan seharian manusia. Dengan adanya bahasa, seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, menambah ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya (Raminah Sabran, 1993). Dalam konteks kajian ini, bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi murid Cina dan India yang bersekolah di SJK. Mereka akan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama di rumah atau untuk berkomunikasi manakala di SJK, bahasa ibunda juga digunakan sebagai bahasa pengantar.

Penutur bahasa kedua merupakan golongan penutur yang menggunakan bahasa yang berbeza dengan bahasa pertama (Ambridge & Lieven 2011). Penutur bahasa pertama menguasai pengetahuan bahasa mereka sejak kecil dan dalam persekitaran semula jadi, manakala bagi penutur bahasa kedua pula, biasanya mereka menguasai pengetahuan bahasa kedua menerusi proses pendidikan yang bersifat formal (Brown 2006) dan hanya mampu berkembang melalui latihan dan pengukuhan (Abdullah Hassan, 1987). Bahasa kedua dianggap sebagai alat yang dapat dipraktikkan dan digunakan untuk mencapai pelbagai tujuan (Asmah Hj Omar, 2003).

Bahasa Melayu merupakan bahasa ilmu, bahasa perpaduan, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab rakyat Malaysia menguasai kecekapan berbahasa Melayu (Nik Safiah Karim, 1986). Dalam proses pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, sasarannya adalah kepada pembinaan biasaan berbahasa yang baharu, iaitu membina tabiat berbahasa dalam bahasa kedua di samping kemahiran bahasa pertama yang telah dikuasai (Zulkifley Hamid, 2014). Kasper dan Omari (2010) kemahiran yang dikuasai semasa mempelajari bahasa pertama dapat dipindahkan kepada bahasa kedua secara formal.

1.7.2 Profesiensi Bahasa Melayu

Kecekapan berbahasa Melayu boleh dikategorikan kepada empat kemahiran bahasa yang utama, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Keempat-empat kemahiran ini saling berhubung kait dan memerlukan antara satu sama lain untuk mencapai kesempurnaan dalam aspek kecekapan berbahasa Melayu. Penguasaan kemahiran mendengar dan membaca untuk menerima maklumat manakala kemahiran bertutur dan menulis untuk menyampaikan maklumat. Rakyat Malaysia seharusnya cekap berbahasa Melayu dalam kehidupan seharian kerana bahasa Melayu sebagai bahasa negara bangsa.

Dalam konteks kajian ini, profesiensi bermaksud kefasihan. Murid bukan penutur natif perlu cekap mendengar, fasih bertutur, lancar membaca dan mahir menulis menggunakan bahasa Melayu Standard. Murid perlu menguasai kemahiran mendengar dengan aktif melibatkan mental dan penilaian tahap kefahaman serta memproses maklumat daripada penutur. Bertutur dengan sebutan, intonasi, jeda, tatabahasa dan juga tekanan yang betul, petah, fasih, lancar serta menggunakan laras bahasa yang sesuai untuk berkomunikasi. Bagi kemahiran membaca, murid harus dapat menterjemah, mentafsir, menginterpretasi dan menganalisis bahan yang dibaca untuk mendapatkan pemahaman. Akhirnya murid dapat meluahkan buah fikiran, pengetahuan, teknik dan gaya penulisan ke dalam bentuk tulisan secara mekanis dan mentalis.

Jelasnya, profesiensi bahasa terbentuk melalui gabungan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Murid bukan penutur natif perlu menyerap aspek tatabahasa, perbendaharaan kata, fonologi, dan semantik sebagai proses menerima komunikasi (Abdul Aziz, 2000). Secara keseluruhannya, keempat-empat kemahiran saling berkait untuk memastikan penguasaan profesiensi bahasa Melayu. Kepentingan penguasaan keempat-empat kemahiran ini terbukti dalam sistem pendidikan seseorang individu. Jika salah satu kemahiran tidak dikuasai maka keupayaan berfikir juga terhad dan seterusnya mendapat tahap pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam akademik (Mahzan Arshad, 2016). Hal ini membawa kepada masalah tidak berminat untuk belajar, putus asa dan seterusnya tercicir daripada arus pembelajaran (Zamri Mohamad, 2012).

1.7.3 Tahap Profesiensi Bahasa Melayu

Menurut Fadzilah dan Norazlina, (2015) tahap kecekapan bahasa Melayu boleh disamakan dengan tahap penguasaan kemahiran dalam bahasa Melayu. Kecekapan bahasa Melayu boleh dikategorikan kepada empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Keempat-empat kemahiran ini saling berhubung kait dan memerlukan antara satu sama lain untuk mencapai kesempurnaan dalam aspek kecekapan berbahasa Melayu.

Dalam kajian ini, konsep kecekapan mendengar adalah kecekapan penutur mendengar dalam pelbagai situasi secara aktif dan konsisten. Penutur mampu memberikan maklum balas yang membina terhadap perkara yang didengar. Penutur yang mendapat skor antara 71 hingga 80 akan mendapat Tahap 8 (Paling Cekap) seperti di Lampiran 23.

Konsep kepetahan bertutur adalah penutur berkebolehan menyampaikan maklumat dengan sebutan, intonasi, penggunaan bahasa yang gramatis, dan bermakna semasa berkomunikasi. Keseluruhan pengucapan sangat petah, fasih dan lancar serta bertatasusila. Tahap Skor tertinggi dalam kajian ini adalah antara 128 hingga 136 iaitu Tahap 8 (Paling Fasih) seperti di Lampiran 23.

Konsep kelancaran membaca adalah pembaca menunjukkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, berkemampuan memahami perkataan sukar dan kompleks. Pembaca lancar menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap sangat terperinci, dan konsisten. Tahap skor tertinggi ialah Tahap 8 (Paling Lancar) memperoleh markah antara 71 hingga 80 seperti di Lampiran 23.

Konsep kemahiran menulis adalah penulis berkemahiran menghasilkan penulisan kreatif pelbagai genre menggunakan perkataan dan kosa kata yang pelbagai dan kompleks, menggunakan sistem bahasa yang tepat pada tahap sangat terperinci dan konsisten. Tahap skor tertinggi ialah Tahap 8 (Paling Mahir) yang memperoleh markah antara 92 – 104 markah seperti di Lampiran 23.

Konsep bagi tahap keseluruhan profesiensi adalah penutur mampu menguasai keempat-empat kemahiran berbahasa Melayu dan menunjukkan kefahaman yang tinggi iaitu cekap mendengar, fasih bertutur, lancar membaca dan mahir menulis seperti penutur natif. Skor tertinggi Tahap 8 (Paling Profesiensi) dengan skor markah antara 351 hingga 400 seperti Lampiran 23.

Dalam konteks kajian ini, tahap bermaksud peringkat, tingkat, ukuran, pencapaian yang diperoleh seseorang murid dalam penguasaan kemahiran bahasa Melayu. Satu tahap kecekapan berbahasa diperlukan untuk mengukur sama ada seseorang telah mempunyai keupayaan dalam mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam konteks yang lebih menyeluruh dalam kehidupan manusia pada abad ini. Bagi menjadikan tahap kecekapan bahasa seseorang itu berfungsi dalam kehidupan hariannya mereka perlu melibatkan kebolehan keempat-empat kemahiran sepenuhnya secara berterusan. Dalam kajian ini, tahap bagi setiap kemahiran diukur berdasarkan markah yang diperoleh dalam Ujian UPBM_SR yang dibangunkan. Bagi memperoleh skor keseluruhan UPBM_SR, markah yang diperoleh dari Ujian Mendengar, Ujian Bertutur, Ujian Membaca dan Ujian Menulis akan dijumlahkan dan diperingkatkan untuk menentukan tahap penguasaan bahasa Melayu seseorang murid bukan penutur natif.

1.7.4 Status Sosioekonomi (SSE)

Status sosioekonomi (SSE) bermaksud ekonomi sesuatu bangsa atau keluarga sama ada kaya, kelas menengah, sederhana atau miskin berdasarkan pekerjaan, saiz keluarga, cara hidup dan lokasi tempat tinggal yang lazimnya dikaitkan dengan komponen teras sosial dan ekonomi. Syed (2000) menyatakan status, sosioekonomi merujuk kepada pendapatan, pendidikan dan kedudukan keluarga murid. Ahli sosiologi berpendapat ketinggian SSE sering dikaitkan dengan berinisiatif tinggi, bermotivasi, dan penyerlahan pelbagai kejayaan. Manakala status SSE rendah pula dikelompokkan dalam kepapaan, kemiskinan, pengasingan daripada arus perdana kemajuan, kegetiran kehidupan dan pelbagai musibah kegagalan kehidupan.

Kajian ini menggunakan pembahagian SSE keluarga kepada empat kategori seperti yang dijalankan oleh Mohd Johdi et al. (2009) tetapi disesuaikan dengan keadaan semasa. Pendapatan seisi rumah dibahagikan 4 kategori iaitu kepada rendah (RM1,000 ke bawah) sederhana (RM2,000 – RM3,000) sederhana tinggi (RM3,000 – RM5,000) dan tinggi (RM5001 ke atas) sebulan. Elemen penting yang diambil kira dalam konteks kajian ini ialah pendidikan, pekerjaan, pendapatan seisi keluarga ibu bapa atau penjaga anak-anak murid bukan penutur natif. Jumlah pendapatan keluarga penentu kepada kejayaan, (Normala et al., 2015) menyokong semakin tinggi tahap pendidikan ibu bapa semakin liberal dan terbuka minda untuk mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak dan Amy J.Orr (2003) ahli sosiologi menjelaskan kekayaan boleh mempengaruhi pencapaian akademik anak.

Status sosioekonomi juga merujuk kepada kedudukan sosial ibu bapa mengikut hierarki yang ditentukan oleh penilaian masyarakat (Smith, 1986). Dalam konteks kajian ini SSE keluarga dilihat daripada tahap pendidikan ibu dan bapa, pekerjaan ibu dan bapa dan jumlah pendapatan seisi rumah. Pendidikan, pekerjaan dan jumlah pendapatan sangat berkait dengan kemampuan keluarga dalam membiayai keperluan dan perbelanjaan keluarga. Ibu bapa yang kurang berpelajaran lebih menumpukan kerja untuk menampung perbelanjaan keluarga berbanding dengan pendidikan anak. Kebanyakan ibu bapa ini tidak dapat memberikan didikan yang dapat membantu anak mereka belajar di luar waktu sekolah. Bagi ibu bapa yang mempunyai pencapaian pelajaran yang tinggi, menghendaki anak mencapai tahap penguasaan profesiensi yang tinggi. Situasi ini akan menjadi penggerak kepada anak mereka untuk berjaya dalam akademik.

1.7.5 Motivasi belajar

Dalam mempelajari bahasa, individu memerlukan motivasi yang tinggi bagi mencapai kejayaan dan matlamat (Gardner, 1985). Motivasi merupakan dorongan dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu dengan semangat, ketekunan dan kesabaran yang tinggi demi mencapai matlamat pada tahap yang cemerlang (Mok, 2008: Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2004: Shahabuddin Hashim, Mahani Razali & Ramlah Jantan, 2004: Sulaiman Masri, 2006) dalam Zuraini Jusoh (2014). Brown (2001) motivasi adalah kekuatan jangkaan (*anticipation*) unsur penting dalam pembelajaran dan faktor internal yang mempengaruhi perbezaan individu dalam pemerolehan bahasa kedua serta mempunyai hubungan yang erat dengan pencapaian akademik. Dalam mempelajari bahasa kedua, murid bukan penutur natif mempunyai dorongan atau motivasi tertentu untuk memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Motivasi dalam mempelajari bahasa kedua akan mengarahkan pembelajaran sebatas penguasaan bahasa asing bukan berorientasikan penutur dan budaya aslinya.

Proses pembelajaran merujuk kepada pemprosesan maklumat, sesuatu yang bererti, pemahaman yang jelas atau mastery semasa memperoleh sesuatu pengetahuan atau kemahiran. Motivasi belajar lebih kepada pengalaman kognitif, iaitu kebolehan murid bukan penutur natif menggunakan dan mengaitkan maklumat dengan pengetahuan semasa. Brophy (2010) merumuskan motivasi belajar sebagai kualiti keterlibatan kognitif murid dalam proses pembelajaran yang membantu mereka memahami keperluan sesuatu pembelajaran. Motivasi belajar berkait rapat dengan keinginan murid untuk turut serta dalam proses pembelajaran (Lumsden, 1994). Murid yang mempunyai motivasi belajar mahu berusaha, menghargai, seronok belajar dan mendapat manfaat daripada pembelajaran yang dijalankan (Abd. Sukor Shaari et al., 2005).

Dalam konteks kajian ini, motivasi belajar merujuk kepada sebarang tindakan yang menjadi pendorong minat murid bukan penutur natif untuk menguasai profisiensi berbahasa Melayu. Kesiediaan mengikuti pembelajaran bahasa Melayu dengan memahami tujuan pembelajaran bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan pada akhir pembelajaran di peringkat sekolah rendah. Area spesifik di dalam otak manusia yang menerima stimulus tersebut akan memberikan pesan kepada otak untuk menentukan penguasaan keempat-empat kemahiran berbahasa Melayu dan jumlah usaha yang dikeluarkan sama ada integratif atau instrumental. Motivasi integratif bertujuan untuk berinteraksi, mendekati atau memahami komuniti sesuai dengan penutur dan budaya aslinya manakala motivasi instrumental pula untuk mendapatkan peluang yang baik dari segi pendidikan untuk mencari pekerjaan, lulus ujian atau ingin memperoleh nilai ujian yang baik bagi memperoleh pengiktirafan sosial (Gardner dan Lambert 1972).

1.7.6 Pencapaian akademik

Akademik adalah suatu yang berkaitan dengan pendidikan formal manakala pencapaian pula dirujuk kepada tingkat kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik. Fritzsche et al., (2002) mentakrifkan pencapaian adalah penyelesaian atau profisiensi pencapaian yang diperoleh dalam sesuatu kemahiran yang diberi atau pengetahuan di sekolah secara teori manakala pencapaian akademik merujuk kepada skor atau gred yang dicapai oleh murid dalam suatu ujian atau peperiksaan umum. Pencapaian akademik merupakan apa-apa yang dihasilkan atau diperoleh oleh seseorang dalam sesuatu pelajaran. Oleh itu, pencapaian akademik boleh didefinisikan sebagai satu daripada tahap yang dicapai dalam sesuatu tugas yang melibatkan pendidikan. Dalam kajian ini, pencapaian akademik yang dimaksudkan oleh penyelidik adalah keupayaan dan kemampuan murid bukan penutur natif mendapatkan gred yang baik bagi setiap mata pelajaran yang diuji.

Secara operasinya penentuan pencapaian akademik dalam kajian ini bermaksud pencapaian murid dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun yang telah diduduki oleh mereka. Gred yang diperoleh merangkumi peperiksaan bertulis melalui penilaian formatif dan sumatif. Ujian pencapaian mengandungi set rangsangan untuk mengukur penguasaan dan kemahiran individu dalam bidang yang khusus. Set rangsangan ujian digunakan untuk mengukur pencapaian murid dalam bidang kurikulum (Mohd Majid, 2009). Dalam konteks kajian ini, pencapaian akademik yang dimaksudkan ialah skor pencapaian BM-Penulisan, BM-Pemahaman dan peratus keseluruhan bagi enam subjek lain yang dijawab menggunakan bahasa pengantar di SJK sama ada bahasa Mandarin atau bahasa Tamil.

Keputusan ini dianalisis mengikut gred pencapaian yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Pencapaian dikaitkan dengan prestasi akademik dalam peperiksaan yang dikelolakan oleh LPM. Dalam penyelidikan ini, kumpulan pencapaian bermaksud sejumlah murid yang telah diselaraskan mengikut piawai sekolah iaitu kumpulan cemerlang, sederhana dan lemah dari segi akademik. Pencapaian akademik pemilihan pelajar mengikut kepelbagaian kumpulan pencapaian adalah berdasarkan keputusan gred A yang telah diperoleh dalam peperiksaan tersebut. Kumpulan pelajar cemerlang dipilih berdasarkan bilangan gred A dalam peperiksaan. Kumpulan sederhana dipilih melalui bilangan gred B dan C yang diperoleh dalam peperiksaan manakala kumpulan lemah dipilih berdasarkan bilangan gred D yang diperoleh dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2016.

1.7.7 Murid Bukan Penutur Natif

Kenyataan Asmah Hj Omar (1987) bangsa yang berbeza mempunyai bahasa ibunda yang berbeza dan sering kali juga mempunyai bahasa kedua yang berbeza. Sebagai contoh, bangsa Cina di Malaysia terdiri daripada bangsa Hokkien, Teowchu, Kantonis, Hakka dan Hailam sudah pasti memiliki salah satu dialek bahasa Cina sebagai bahasa pertama, dan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain sebagai bahasa kedua. Kajian Jeyagobi (2011) mendapati bahasa pertama murid India di Malaysia ialah bahasa Tamil tetapi kedapatan juga murid yang menggunakan bahasa Telegu, Malayalam, Punjabi dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama.

Murid bukan penutur natif (*non-native speakers*) merupakan golongan penutur bahasa kedua yang menggunakan bahasa selain bahasa ibunda. Dalam konteks kajian ini, mereka merupakan murid dari kaum Cina dan kaum India yang mendapat pendidikan di sekolah jenis kebangsaan. Murid ini juga dikenali sebagai murid Cina dan murid India yang keluarganya dari keturunan Cina dan India, atau murid bukan Melayu (Mahzan Arshad, 2016) atau murid bukan penutur jati (Chew Fong Peng, 2016).

Pengetahuan tentang bahasa kedua diperoleh melalui usaha sendiri-sendiri, melalui asuhan atau penjelasan secara formal di dalam kelas (Ambridge & Lieven, 2011). Jadi mereka perlu berusaha mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Mandarin di SJKC dan Bahasa Tamil di SJKT. Menurut (Cook, 2007) kanak-kanak yang mencapai usia 5 tahun biasanya sudah petah berbahasa dalam bahasa ibundanya. Dalam kajian ini, murid bukan penutur natif tahap 2 dipilih kerana telah didedahkan melebihi lima atau enam tahun pembelajaran bahasa kedua di SJK (Noor Zila, 2015).

1.8 Rumusan

Kesimpulannya, berdasarkan latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian yang dinyatakan, tahap profesiensi bahasa Melayu dan hubungannya dengan status sosioekonomi (SSE), motivasi belajar dan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan penutur natif perlu dijalankan. Sampel kajian yang berbeza dari segi umur, budaya, bahasa, dan matlamat serta kebolehan antara murid akan menghasilkan dapatan yang berbeza. Pengujian UPBM_SR perlu dijalankan untuk menganalisis sejauh mana tahap profesiensi murid bukan penutur natif yang menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka.

RUJUKAN

- Abd Aziz Abdul Talib. (2000). *Menguji kemahiran bahasa : Prinsip, Teknik, dan contoh*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. (2009). Kompetensi komunikatif dan strategi komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama di negeri Selangor. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Abdul Rahim Abu dan Mohd Sharifudin Yusop. (2014). Sikap Kanak-kanak Orang Asli di Bandar Raya Kuala Lumpur Terhadap Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *ISSN: 2180-4842. Vol.4, Bil.2 (Nov. 2014): 57-66 Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*
- Abdul Rasid Jamian. (2008). *Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina*. Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2-4 Jun 2008
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (Malay Language Education Journal (MyLEJ)). ISSN: 2180-4842, Vol.1, Bil 1 (Mei 2011): 1-12*
- Abdul Rahman Abdullah. (2009). *Kompetensi Komunikatif dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Abdul Rashid Ali (1994). *Kefahaman Mendengar Pelajar Tingkatan Satu di tiga buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Abdul Razif Zaini, Mohd. Zaki Abd Rahman, Muhammad Haron Husaini Adnan Mat Ali, Khairatul Akhmar Ab Latif, Khairil Ashraf Elias (2015). E-Proceeding on the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization. *Reka Bentuk Sistem Pengukuran Tahap Kebolehbacaan Teks Bahasa Arab Berbantuan Komputer*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. Organized by <http://WorldConferences.net793>

- Abdullah Hassan. (1987). *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1989). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi. Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : PTS Professional.
- Abedi, J. (2007). Utilizing Accommodations in the Assessment of English Language Learners. In N. H. Hornberger (Ed), *Encyclopedia of Language and Education: Vol 7: Language Testing and Assessment* (pp. 331-348). Heidelberg, Germany; Springer Science Business Media.
- Adenan Ayob. (2011). Kesan Penggunaan Perisian Pemprosesan Kata Terhadap Pencapaian Murid dalam Penulisan Karangan Pendeta: *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 2011 Vol. 2, Isu 1 (1 - 20)
- Ahmad Hashim. (2014). *Panduan Analisis Data Secara Efisien. Panduan Langkah Berajah Untuk Menganalisis Data*. Edisi Pertama. Selangor: Dubook Press Sdn Bhd. Bangi .
- Ahmad Saabri Noh, Kamarulzaman Abdul Ghani, Kaseh Abu Bakar, Khadijah rohani Md Yunus & Wan Hamiah Wan Mahmud. (2013). Prosiding 3rd International Conference On Islamic Education 2013. *Keperluan Pengukuran Kebolehbacaan Teks Berbahasa Arab*.
- Ainol Madziah Zubari dan Isarji Sarudin. (2009). Motivation to Learn a Foreign Language in Malaysia. *GEMA Online Journal Of Language Studies* 9 (2): 73 –87.
- Aisyah Sjahrony & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2013). Prosiding 3rd International Conference On Islamic Education 2013. *Kebolehbacaan Bahan Pengajaran Bahasa Arab*.
- Alimah Lob (2010). *Penguasaan lisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah di Singapura*. Disertasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Alptekin, C, (2002). Towards intercultural communicative competence in ELT. *ELT Journal*, 56 (1) : 57 -63.
- Ambridge Ben & Elena V. M Lieven (2011). *Child Language Acquisition : Contrasting Theoretical Approaches*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Amy J.Orr. (2003). Black-White Differences in Achievement: The Importance of Wealth. *Sociology of Education*, v76 n4 p281-304 Oct 2003
- Anderson, L.W. & Krathwohl, D.R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing*. New York: Longman Publishing.
- Arbai'e Sujud, Mohd Amin Arshad & Che Ibrahim Salleh. (2011). *Pembudayaan Bahasa Melayu dari perspektif pengajaran dan pemelajaran bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Archibald, J., Roy, S., Harmel, S., & Jasney, K. (2006). *A Review of the literature on second language learning*. (2nd ed.) Alberta, Canada: Alberta Education.
- Asmah Hj Omar. (1987). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asmah Hj Omar. (2003). *Pengajaran bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Kaedah dan Prinsip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (2003). *Language and Language Situation in Southeast Asia: With a Focus on Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Awang Sariyan. (2004). *Tertib mengarang: Asas Retorik untuk pelajar dan pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2011). *Pendidikan Bahasa Melayu dalam Pembentukan Jati Diri Bangsa: Pengajaran Seni Bahasa Untuk Penghayatan bahasa kepada Pelajar Asing*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Bahasa Melayu 2011. Anjuran Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur pada 14-16 Mac 2011.
